

UTHM, UGM kongsi budaya dua negara



Persembahan angklung yang dijayakan oleh delegasi UGM pada majlis perasmian Pesta Konvokesyen UTHM kali ke-14.

Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menerima kunjungan delegasi Universitas Gadjah Mada (UGM), Indonesia selama empat hari di kampus universiti itu, di

sini, baru-baru ini.

Delegasi terdiri daripada isteri pegawai UGM atau lebih dikenali sebagai kumpulan Dermawan diketuai Prof Dr Suratman bertujuan berkongsi budaya masyarakat Indonesia menerusi

B. Hanien 20/11/2014 m/s: V3
penganjuran pelbagai aktiviti sepanjang lawatan itu.

Antaranya ialah Bengkel Tarian, Bengkel Alat Muzik Angklung serta Bengkel Kursus Kerja Nyata yang disertai pelajar kokurikulum kursus Seni Tari Tradisi dan

Kreatif, Muzik Moden dan Khidmat Komuniti.

Berkongsi ilmu

Bersempena dengan lawatan itu juga, kumpulan Dermawan turut berpeluang mengadakan persembahan

tarian dan angklung dalam majlis perasmian Pesta Konvokesyen UTHM kali ke-14.

Naib Canselor UTHM, Prof Datuk Mohd Noh Dalimin ketika pertemuan bersama-sama delegasi itu melahirkan ucapan terima kasih kepada UGM kerana memilih UTHM sebagai destinasi untuk berkongsi ilmu dan pengalaman.

Beliau berharap kunjungan itu akan disusuli dengan pelbagai program dengan pelbagai program yang dirancang secara bersama-sama demi mengingati lagi hubungan antara kedua-dua universiti.

Pada majlis itu, Prof Dr Noh turut menerima cenderahati berupa alat muzik, angklung yang disampaikan oleh Prof Suratman.